



SIARAN MEDIA

KeTSA BERJAYA MENARIK POTENSI PELABURAN BERNILAI RM5.8 BILION DI MINGGU KE-18 EKSPLO 2020 DUBAI

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) bersama-sama agensi di bawah seliaannya iaitu Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Yayasan Hijau Malaysia (YHM) selaku agensi pelaksana telah berjaya menganjurkan Minggu ke-18 Ekspo 2020 Dubai bertemakan *Sustainable Energy and Natural Resources* dari 30 Januari 2022 hingga 5 Februari 2022.

Sepanjang Minggu ke-18 Ekspo ini, delegasi KeTSA yang turut disertai oleh 13 syarikat tempatan dari bidang tenaga dan sumber asli telah berjaya menarik potensi pelaburan dengan anggaran nilai RM5.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, potensi pelaburan bernilai RM4.22 bilion adalah melalui dua (2) Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah dimeterai iaitu antara syarikat Gading Kencana Sdn. Bhd. dengan syarikat March Global LLC daripada Arab Saudi untuk pembangunan projek solar berskala besar di Timur Tengah, Afrika dan rantau Asia yang dijangka menjana pelaburan bernilai RM4.2 bilion.

Manakala MoU antara syarikat Concord Renewable Energy Sdn. Bhd dengan Innio Jenbacher GMBH & CO OG dari Austria, yang akan membekalkan teknologi dan peralatan bagi pembangunan penjana loji jana kuasa biogas, dijangka melibatkan pelaburan bernilai RM20 juta. Selebihnya iaitu RM1.6 bilion diperolehi melalui 57 sesi padanan perniagaan antara syarikat tempatan yang menyertai delegasi KeTSA dengan syarikat-syarikat asing yang turut menghadiri Ekspo 2020 Dubai.

Minggu ke-18 Ekspo ini juga menyaksikan syarikat Concord Renewable Energy Sdn. Bhd. melancarkan *Concord Biogas Cube Scrubber System* yang merupakan produk bagi penjana tenaga daripada sumber biogas yang direka serta dihasilkan melalui inisiatif penyelidikan dan pembangunan syarikat tersebut sendiri yang berpotensi untuk diperluaskan ke negara-negara lain. Selain itu, wakil-wakil industri dari Malaysia iaitu PETRONAS, Gading Kencana Sdn. Bhd. dan Concord Renewable Energy Sdn. Bhd. turut menyertai sesi perkongsian maklumat mengenai potensi-potensi perniagaan dan peluang pelaburan terutamanya dalam bidang tenaga lestari di Malaysia.

Delegasi KeTSA dan syarikat-syarikat turut mengambil peluang mengadakan kunjungan rasmi ke pavilion *Emirates National Oil Company* (ENOC) dan *Dubai Electricity and Water Authority* (DEWA) bagi berkongsi pandangan dan pengalaman mengenai strategi serta pelaksanaan usaha-usaha peralihan tenaga.

KeTSA ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), syarikat-syarikat yang menyertai delegasi KeTSA dan semua pihak yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan program-program di Minggu ke-18 Ekspo 2020 Dubai.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

6 FEBRUARI 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia